

TAHAP PATRIOTISME MAHASISWA DI UNIVERSITI AWAM, MALAYSIA

Ku Hasnita Ku Samsu (PhD), Zatul Himmah Adnan (PhD), Ratna Roshida Ab Razak
(Prof. Madya, PhD), Lee Yok Fee (Prof. Madya, PhD), Zarina Muhammad
Universiti Putra Malaysia
hasnita@upm.edu.my

ABSTRAK

Keruntuhannya semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda pada masa kini sangat berkait rapat dengan kemerosotan nilai patriotisme dalam diri mereka. Situasi sebegini tidak boleh dipandang ringan kerana melibatkan masa depan dan maruah negara yang sangat bergantung kepada generasi muda. Mereka merupakan pewaris negara yang menjadi penentu kepada kelangsungan hidup tanah air tercinta ini. Nilai patriotisme merangkumi aspek-aspek seperti kebersediaan untuk berkhidmat kepada negara, bangga dilahirkan sebagai warga Malaysia, kesetiaan kepada negara, memiliki keazaman yang tinggi dan bertanggungjawab. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauhmanakah tahap patriotisme yang dimiliki oleh generasi muda kini agar langkah-langkah pemerksaan boleh difikirkan oleh semua pihak. Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 2056 responden yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi di sepuluh buah universiti awam di Malaysia iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Dapatkan kajian memaparkan tahap semangat patriotisme yang dimiliki oleh mahasiswa adalah tinggi. Namun tahap tersebut tidak mencapai tahap maksimum yang sepatutnya dimiliki oleh generasi muda harapan bangsa. Justeru, pihak kerajaan khususnya perlu melakukan tindakan proaktif bagi memastikan tahap patriotisme mahasiswa berada pada tahap yang paling maksimum bagi menjamin kelangsungan hidup tanah air tercinta.

Kata kunci: Semangat patriotisme, mahasiswa, generasi muda

PENGENALAN

Semangat patriotisme yang tinggi perlu dimiliki oleh setiap rakyat bagi memastikan kemajuan dan kelangsungan hidup negara di samping menjamin kedaulatan tanah air tercinta. Tanpa semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat, negara akan mengalami kesukaran untuk maju, apatah lagi untuk bersaing dengan negara-negara lain. Malah kedaulatan tanah air juga sukar untuk dipelihara dan dipertahankan. Negara-negara hebat seperti Amerika Syarikat dan Jepun telah membuktikan bahawa tunggak kemajuan bagi negara mereka ialah pemilikan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat mereka. Hal ini terbukti melalui dapatan Kaji Selidik Nilai Sedunia pada tahun 1981-1982, 1990-1991 dan 1995-1996 yang mendapati bahawa 96 hingga 98 peratus rakyat Amerika Syarikat sangat berbangga dengan tanah air mereka. Situasi ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana rakyat negara tersebut memang telah diterapkan dengan elemen patriotisme dalam segenap aspek kehidupan mereka merangkumi aspek politik, ekonomi, keselamatan, sosial dan hubungan diplomatik (Huntington, 2008). Dalam konteks negara Jepun pula, ketinggian semangat cintakan negara rakyatnya jelas diperlihatkan melalui pemilikan nilai murni yang kental dalam jiwa mereka seperti integriti, akauntabiliti, *kamikaze* (pantang menyerah kalah) dan *kaizen* (sentiasa memperbaiki diri) (Anuar Ahmad, 2015). Jelas sekali nilai-nilai tersebut bertindak sebagai pemacu kemajuan negara Jepun. Justeru, bagi memastikan negara kita mampu mengikuti jejak langkah negara-negara maju tersebut setiap warga perlu memainkan peranan penting dalam memantapkan nilai dan semangat patriotism dalam jiwa masing-masing sama ada golongan pemerintah mahu pun rakyat jelata.

Dalam konteks ini, golongan yang menjadi aset utama dalam menjana kemajuan serta pembangunan negara adalah generasi muda yang bergelar mahasiswa. Mereka adalah bakal penyambung legasi kepimpinan negara pada masa akan datang (Mohd Iskandar, 2017). Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat tersebut, golongan mahasiswa perlu memiliki semangat patriotisme yang kental dan tinggi. Namun, hasil kajian Biro Tata Negara pada tahun 2014 yang memaparkan Indeks Patriotisme Negara (BTN) dalam kalangan mahasiswa berada pada skor rendah (purata 3.8) telah menjadi kegusaran pelbagai pihak. Walaupun hasil kajian tersebut tidak dapat digeneralisasikan sepenuhnya kepada seluruh mahasiswa di Malaysia kerana hanya melibatkan 1,200 responden universiti awam dan swasta, namun senario tersebut memberi gambaran awal tentang status semangat patriotisme mahasiswa khususnya dan generasi muda amnya. Situasi yang membimbangkan ini telah mencetuskan pelbagai usaha oleh pihak kerajaan terutamanya BTN untuk menganjurkan pelbagai program pemantapan patriotism seperti “Aku Ikon Patriotik”, “Kayuhan Patriotik”, “Kembara Patriotik”

dan “Seminar Cinta Negara”. Sememangnya usaha pemantapan patriotisme juga telah dilakukan secara bersepada di peringkat pengajian tinggi melalui subjek-subjek wajib seperti Hubungan Etnik, Kenegaraan/Pengajian Malaysia serta Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan juga aktiviti kokurikulum. Walaupun begitu, gejala yang boleh ditafsirkan sebagai kurang patriotik ini tetap berlaku dalam kalangan mahasiswa universiti. Hal ini dapat ditelusuri melalui perbuatan vandalisme golongan tertentu yang dipercayai mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertindak menyembur cat perkataan “MATI” ke atas papan tanda di sekitar kampus induk di Bangi dan merosakkan kereta dengan menampal pelekat yang sukar ditanggalkan. Sabotaj yang berupa vandalisme ini biasanya dilakukan ketika kempen pilihan raya kampus (Faiz Zainudin, 2017). Perbuatan vandalisme yang dilakukan tersebut memaparkan sikap kurang patriotik dari aspek nilai kebertanggungjawaban. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti semangat patriotisme sebenar mahasiswa universiti yang merupakan tonggak kekuatan dan harapan negara ini. Semangat patriotisme diukur melalui nilai kebertanggungjawaban, kebersediaan untuk berkhidmat kepada negara, bangga dilahirkan sebagai warga Malaysia, kesetiaan kepada negara dan memiliki keazaman yang tinggi.

PENGERTIAN PATRIOTISME

Istilah patriotism mediambil daripada bahasa Greek iaitu *patriotes* yang bermaksudrakan senegara dan *patricedari* pada perkataan *pater (father)* yang merujuk kepada tanahair atau negara (Saifuddin, 2005). Manakala dalam bahasa Latin pula, patriotisme merujuk kepada istilah *patria* yang bermaksud negara atau bangsa (Schlesinger, 2007). Justeru, istilah patriotisme menjurus kepada keterikatan antara warganegara dan tanah air. Keterikatan tersebut merujuk kepada perasaan cinta terhadap negara. Dalam hal ini, Curti (1946) memberi pengertian patriotisme sebagai satu perasaan bangga dan cintakan negara di samping bersedia untuk berkorban apa sahaja untuk kepentingan negara. Doob (1964) pula memberikan definisi umum iaitu patriotisme bermaksud cintakan negara. Malah beliau menambah bahawa kesetiaan kepada negara dan bangsa juga adalah komponen penting dalam patriotisme. Manakala Berns (1997) mentafsirkan patriotisme sebagai perasaan cintakan negara yang tertakluk kepada kesanggupan setiap warga untuk berkorban demi mempertahankan negara. Hal ini disokong oleh Primoratz (2002) yang melihat patriotisme perlu disertai dengan bukti yang nyata dari segi kesediaan dan kesanggupan setiap warga untuk melakukan pengorbanan kepada negara. Dalam konteks ini, jawapan yang diberikan terhadap dua persoalan berikut akan menjadi indikator kepada penghayatan semangat patriotisme rakyat iaitu, apakah yang akan dilakukan untuk negaranya ketika negaranya berada dalam keadaan stabil dan tidak stabil; adakah wujud kesanggupan untuk berkorban demi

negaranya? Hala tuju kedua-dua persoalan ini adalah untuk melihat cara individu melaksanakan dan membuktikan semangat patriotisme. Sehubungan itu, jawapan yang positif mencerminkan pendirian individu tersebut menjawai semangat cintakan negara. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa patriotisme adalah satu nilai dan tindakan yang bersumberkan *emosional* iaitu cinta dan setia kepada negara sehingga sanggup melakukan apa sahaja tindakan demi mempertahankan negara.

Jelas sekali semangat patriotisme merupakan rangkuman nilai-nilai asas iaitu cinta, setia dan sanggup berkorban untuk mempertahankan negara tercinta. Dalam konteks ini, Raja Ruslan (2004) menyenaraikan enam nilai utama yang dapat mengekalkan jati diri sekali gus memantapkan semangat patriotisme rakyat terutamanya generasi muda iaitu perasaan bangga terhadap negara; kesetiaan yang tidak berbelah bahagi; fakta sejarah yang amat berkait rapat dengan rasa bangga terhadap negara; jati diri; perpaduan dan pengamalan nilai-nilai murni. Justeru, nilai-nilai tersebut boleh dijadikan sebagai pengukur kepada tahap patriotisme rakyat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini dijalankan di sepuluh buah universiti awam yang ditetapkan melalui pecahan lima zon utama di Malaysia. Setiap zon diwakili oleh dua buah universiti awam iaitu:

- a. Zon Utara –Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM)
- b. Zon Tengah – Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- c. Zon Selatan – Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- d. Zon Pantai Timur -Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- e. Zon Malaysia Timur - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Setiap zon akan melibatkan sampel kajian seramai 400 responden bagi memenuhi purata piawaian penetapan saiz sampel seperti mana yang telah dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jumlah tersebut dipecahkan secara sama rata mengikut universiti awam yang telah ditetapkan bagi setiap zon. Justeru, jumlah keseluruhan responden yang disasarkan bagi kajian ini ialah seramai 2000 orang. Saiz sampel sebegini yang melibatkan responden secara menyeluruh dijangka akan dapat memberi gambaran yang lebih tepat tentang tahap patriotisme mahasiswa. Teknik persampelan

rawak muda telah digunakan bagi menentukan sampel kajian. Analisis deskriptif telah diaplikasi bagi mencapai objektif kajian.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa semangat patriotisme mahasiswa berada pada tahap yang tinggi (74.1 peratus). Rujuk Jadual 1. Walau bagaimanapun peratusan tahap tinggi tersebut bukanlah sesuatu yang patut dibanggakan. Hal ini kerana, sebagai golongan harapan negara yang merupakan bakal peneraju negara pada masa hadapan mahasiswa perlu memiliki semangat patriotisme yang kental dan mantap. Justeru peratusan tahap semangat patriotisme yang perlu dimiliki oleh mereka sepatutnya menghampiri seratus peratus.

Jadual 1: Tahap Patriotisme Mahasiswa

Tahap	Peratusan
Tinggi	76.5
Sederhana	21.3
Rendah	2.2

Tahap patriotisme mahasiswa diukur berdasarkan kepada nilai-nilai yang merangkumi aspekkebersediaan untuk berkhidmat kepada negara, bangga dilahirkan sebagai warga Malaysia, kesetiaan kepada negara, memiliki keazaman yang tinggi dan bertanggungjawab. Berikut adalah paparan data secara diskriptif tentang nilai patriotisme mereka.

Jadual 2: Perincian Nilai Patriotisme Mahasiswa

	PERKARA	SKALA				
		1	2	3	4	5
1.	Untuk mencapai matlamat hidup, saya perlu berfikir secara menyeluruh untuk diri, keluarga dan negara saya.	2.9	2.6	9.9	26.5	58.1
2.	Jika saya tamat pengajian hari ini, saya akan rasa bahawa hidup saya sangat berguna untuk berkhidmat kepada negara.	3.6	4.5	24.0	38.4	29.5
3.	Dalam memikirkan tentang kehidupan saya sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sentiasa	3.7	5.1	23.0	39.1	29.1

	melihat kebaikan di sebalik kelahiran saya sebagai seorang warganegara Malaysia.					
4.	Apabila saya cuba mencari kaitan kehidupan saya dengan suasana semasa di negara saya, ia amat bermakna untuk hidup saya.	3.5	7.4	28.8	35.1	25.2
5.	Saya seorang yang sangat bertanggungjawab.	3.2	3.0	17.5	45.7	30.6
6.	Sekiranya diberi peluang untuk berhijrah ke negara lain bagi mendapat kehidupan yang lebih baik, saya menerima peluang tersebut dengan penuh kegembiraan.	3.3	5.3	20.8	33.5	37.2
7.	Saya menganggap keupayaan saya untuk hidup sebagai warga Malaysia yang baik adalah sesuatu yang memang mampu untuk dicapai.	2.1	4.1	21.9	41.6	30.3
8.	Mencari identiti sebagai rakyat Malaysia merupakan sesuatu keinginan saya yang kuat.	2.8	4.7	26.0	37.3	29.3
9.	Untuk menjadi pencetus kepada perubahan, saya bersedia dan tidak takut menghadapi apa-apa kesan.	2.6	5.2	24.5	42.9	24.8
10	Saya ingin diri saya menjadi seorang yang mempunyai motivasi tinggi.	2.0	3.2	15.3	32.7	46.7
11	Dalam mencapai sesuatu yang saya inginkan, saya seorang yang mempunyai keazaman yang tinggi.	2.5	4.4	17.6	41.5	34.0
12	Jika saya boleh memilih, saya akan mengubah hidup saya sebelum ini supaya menjadi lebih baik.	2.3	3.2	12.5	32.0	50.0
13	Untuk mendapat kedudukan yang lebih baik bagi kehidupan saya selepas tamat pengajian adalah keinginan yang sentiasa saya impikan.	1.5	3.2	13.1	33.9	48.2

14	Untuk mencapai sesuatu yang saya ingini, saya akan mengatur strategi bagaimana untuk memperolehinya.	2.8	4.7	17.2	42.0	33.3
----	------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----	-----	------	------	------

Penunjuk Skala:

- 1: Sangat Tidak Setuju
- 2: Tidak setuju
- 3: Sederhana Setuju
- 4: Setuju
- 5: Sangat Setuju

Jika diteliti, terdapat sebelas perkara (nombor 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 14) yang dijawab pada skala 4 (setuju) oleh sebilangan besar responden mengatasi skala 5 (sangat setuju). Walaupun skala 4 tersebut masih berada dalam kategori nilai positif, namun sebagai warga harapan negara, kesemua mahasiswa sepatutnya menjawab skala 5 (sangat setuju). Apatah lagi apabila melibatkan hal yang berkaitan dengan kebersediaan untuk berkhidmat kepada negara yang merujuk kepada pernyataan “jika saya tamat pengajian hari ini, saya akan rasa bahawa hidup saya sangat berguna untuk berkhidmat kepada negara.” Kebanyakan respon yang diberikan adalah cenderung kepada skala 3: sederhana setuju (24%), skala 4: setuju (38.4%) dan skala 5: sangat setuju (29.5%). Dalam hal ini, kombinasi respon sederhana setuju dan setuju mahasiswa terhadap perkara tersebut adalah tinggi iaitu 62.4 peratus, manakala respon sangat setuju hanyalah 29.5 peratus. Walaupun gabungan tiga skala tersebut berada pada kategori nilai positif, namun skala sederhana setuju dan setuju perlu diberi perhatian kerana peratusannya adalah lebih tinggi mengatasi peratusan pada skala sangat setuju. Situasi ini perlu dipandang serius oleh pihak kerajaan khususnya dengan merancang serta melaksanakan lebih banyak lagi program kesedaran patriotisme yang memberi tumpuan kepada halaju kerjaya mahasiswa setelah bergraduat. Hal ini kerana, mahasiswa yang bekerja secara umumnya akan menggerakkan ekonomi negara melalui kemahiran yang dikuasai semasa di universiti dan cukai yang dibayar sekali gus membantu untuk menggerakkan pembangunan sosial negara. Oleh yang demikian, warga yang patriotik juga adalah terdiri daripada individu yang akan bekerja keras demi pembangunan negara kerana didorong oleh perasaan cinta dan kasih terhadap tanah air (Lee Lam Thye, 2016). Namun begitu, perkara tersebut kadangkala dinafikan oleh warga terbabit kerana bagi mereka, mereka bekerja untuk diri mereka sendiri dan juga keluarga mereka, bukannya untuk negara. Dalam konteks ini perlu diingatkan bahawa

pekerjaan yang mereka lakukan tersebut memberi impak langsung kepada negara dari segi peningkatan pendapatan perkapita negara sekaligus boleh memajukan negara.

Respon majoriti mahasiswa terhadap aspek perasaan bangga dilahirkan sebagai warga Malaysia juga dilihat pada skala 3 (sederhana setuju) dan skala 4 (setuju) sahaja. Hal ini dapat ditelusuri melalui pernyataan “dalam memikirkan tentang kehidupan saya sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sentiasa melihat kebaikan di sebalik kelahiran saya sebagai seorang warganegara Malaysia” dan pernyataan “apabila saya cuba mencari kaitan kehidupan saya dengan suasana semasa di negara saya, ia amat bermakna untuk hidup saya”. Pernyataan pertama mencatatkan 62.1 peratus pada skala 4 dan 29.1 peratus pada skala 5, manakala pernyataan kedua mencatatkan 63.9 peratus pada skala 4 dan 25.2 peratus pada skala 5. Dalam hal ini perasaan bangga dilahirkan sebagai rakyat negara ini merupakan nilai penting yang perlu ada dalam jiwa setiap warga (Aziz Ujang dan Kadir Ariffin, 2017). Mahasiswa yang memiliki perasaan ini pada tahap yang tinggi akan berusaha menangkis segala tanggapan buruk yang dilemparkan terhadap negara mereka dengan pelbagai cara. Umpamanya melalui media cetak dan media sosial seperti surat khabar, *facebook*, *youtube*, *blog* dan sebagainya lagi. Nilai ini merupakan elemen pertahanan negara secara spiritual yang lahir dalam diri seseorang warga sama ada secara disedari mahu pun tanpa disedari. Dalam konteks ini, apabila dapatan kajian memaparkan skala 3 dan 4 mengatasi skala 5, maka ia adalah sesuatu yang sangat perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan terutamanya kerana ia melibatkan elemen kekuatan dalaman mahasiswa.

Jika seseorang rakyat memiliki perasaan bangga pada tahap maksimum kepada tanah air, sudah pasti kesetiaan kepada negara juga berada pada tahap yang paling tinggi. Justeru tidak akan timbul isu penghijrahan rakyat ke negara lain demi mencari pekerjaan yang lebih menjamin keselesaan dan kesempurnaan hidup mereka. Namun realitinya, statistik telah menunjukkan jumlah rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara untuk bekerja adalah agak tinggi. Umpamanya statistik bank dunia memaparkan seramai sejuta rakyat Malaysia bekerja di luar negara pada tahun 2011 (Salleh Majid, 2011). Manakala statistik “*Department of Home Affairs, Australian Government*” (n.d.) turut mendedahkan dalam tempoh lima tahun iaitu antara 2011 hingga 2015 seramai 18,843 rakyat Malaysia telah membuat penghijrahan kekal (*Permanent Migrants*) ke Australia. Dalam konteks ini, penghijrahan kekal rakyat Malaysia bukan sahaja ke Australia, malah melibatkan negara-negara lain juga seperti United Kingdom, New Zealand, Amerika Syarikat, Perancis, Sweden, Singapura, Kanada dan sebagainya lagi. Scenario ini menunjukkan nilai patriotisme yang semakin menjadi tanda tanya dalam karangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda.

Walaupun mereka yang berhijrah ini mengakui bahawa perasaan cinta mereka terhadap Malaysia masih wujud mungkin disebabkan oleh faktor ahli keluarga yang masih tinggal menetap di negara ini dan juga faktor *sentimental value*, namun hakikatnya penghijrahan mereka sebenarnya memberi kesan mendalam terhadap perkembangan ekonomi negara. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Salleh Majid (2011) yang menegaskan bahawa negara kita ketinggalan dalam menarik pelaburan langsung asing disebabkan oleh fenomena *brain drain* walaupun pada tahun 2010, pelaburan yang diterima adalah sebanyak AS\$9 bilion lebih baik daripada AS\$1.4 bilion yang diterima pada tahun 2009. *Brain drain* berlaku akibat daripada penghijrahan rakyat yang berkemahiran tinggi dalam sesuatu pekerjaan ke luar negara. Semestinya mereka adalah bekas mahasiswa. Kesannya negara kitatidak mampu untuk menampung pelabur yang membawa masuk teknologi yang memerlukan tenaga kerja mahir untuk mengendalikan pelbagai peralatan, jentera dan perisian.

Sudah pasti situasi sebegini boleh mendatangkan kerugian kepada negara. Lantaran itu, dapatan kajian tentang aspek kesetiaan kepada negara ini sangat membimbangkan kerana hanya 8.6 peratus daripada keseluruhan responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan “sekiranya diberi peluang untuk berhijrah ke negara lain bagi mendapat kehidupan yang lebih baik, saya menerima peluang tersebut dengan penuh kegembiraan”, manakala 91.4 peratus responden berada dalam kategori bersetuju. Situasi ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa mengharapkan negara dapat memberikan kehidupan yang terbaik kepada mereka secara individu, sekiranya mereka tidak mendapat faedah yang diingini daripada negara, mereka akan berhijrah ke negara lain yang menjanjikan kehidupan yang lebih sempurna. Golongan sebegini masih lagi berada dalam kategori patriotik yang dikenali sebagai *value-based patriotism* (Primoratz, 2002). Patriotisme jenis ini dilihat seolah-olah tidak ikhlas kerana kerana kecintaan mereka terhadap negara adalah berdasarkan kepada imbalan yang bakal diperoleh daripada negara. Sepatutnya mereka mengambil sikap seperti ungkapan John F. Kennedy (1961) “*Ask not what your country can do for you – ask what you can do for your country*”. Semangat patriotisme yang lebih sejati dan ikhlas adalah jenis *egocentric patriotism* yang merujuk perasaan cinta dan setia kepada negara semata-mata kerana ‘itu adalah negaranya’, bukan disebabkan oleh keupayaan negara itu memberikan pencapaian-pencapaian dan keistimewaan-keistimewaan tertentu kepada diri mereka. Dalam konteks ini, jika seseorang warga itu memiliki *egocentric patriotism*, mereka akan terus bermastautin di negara ini dan berusaha untuk bersama-sama memajukan negara.

Hakikatnya, untuk mencapai tahap kecintaan dan kesetiaan yang tinggi kepada negara, seseorang itu perlu memiliki sikap bertanggungjawab yang akan membentuk seseorang warga itu mencintai diri, keluarga sekali gus tanah airnya. Dalam konteks ini, majoriti mahasiswa iaitu 94.5 peratus bersetuju bahawa “untuk mencapai matlamat hidup, saya perlu berfikir secara menyeluruh untuk diri, keluarga dan negara saya”. Secara positifnya dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai pengimbang kepada segala tindakan yang bakal dilakukan oleh mahasiswa dari aspek kesetiaan kepada tanah air. Maksudnya, sekurang-kurangnya golongan mahasiswa ini memiliki penangkis dalaman iaitu sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan negara jika dihasut oleh pihak lain untuk melakukan kerosakan kepada negara. Oleh itu, jika hal sedemikian berlaku, mereka akan berfikir dengan lebih mendalam tentang kesan jangka panjang yang bakal dihadapi. Justeru, mereka akan menjauhi dan menangkis hasutan negatif tersebut.

Selain itu, respon mahasiswa terhadap pernyataan yang berkaitan dengan aspek pemilikan keazaman yang tinggi juga dilihat dapat membantu untuk menyokong nilai asas patriotisme iaitu kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Situasi ini dapat ditelusuri melalui pernyataan-pernyataan berikut: “saya menganggap keupayaan saya untuk hidup sebagai warga Malaysia yang baik adalah sesuatu yang memang mampu untuk dicapai”; “mencari identiti sebagai rakyat Malaysia merupakan sesuatu keinginan saya yang kuat”; “untuk menjadi pencetus kepada perubahan, saya bersedia dan tidak takut menghadapi apa-apa kesan”; “saya ingin diri saya menjadi seorang yang mempunyai motivasi tinggi”; “dalam mencapai sesuatu yang saya inginkan, saya seorang yang mempunyai keazaman yang tinggi”; “jika saya boleh memilih, saya akan mengubah hidup saya sebelum ini supaya menjadi lebih baik”; “untuk mendapat kedudukan yang lebih baik bagi kehidupan saya selepas tamat pengajian adalah keinginan yang sentiasa saya impikan”; “untuk mencapai sesuatu yang saya ingin, saya akan mengatur strategi bagaimana untuk memperolehinya”. Secara keseluruhannya, respon yang diberikan oleh mahasiswa terhadap pernyataan-pernyataan tersebut adalah adalah positif (lebih daripada 80 peratus mahasiswa menyatakan persetujuan). Oleh yang demikian, diharapkan respon positif tersebut dapat memantapkan nilai kesetiaan mahasiswa terhadap negara. Dalam hal ini sememangnya aspek keazaman yang tinggi merupakan nilai murni yang perlu ada dalam jiwa seseorang warga bagi mendorong perasaan cinta dan setia kepada negara. Malah keazaman yang tinggi juga mampu memberi dorongan untuk berkorban demi negara tercinta.

KESIMPULAN

Walaupun hasil kajian secara keseluruhannya memaparkan semangat patriotisme mahasiswa berada pada tahap tinggi, namun peratusan yang ditunjukkan tidak begitu memberansangkan. Hal ini kerana, sebagai aset negara mahasiswa perlu memiliki semangat patriotisme yang kental dan kukuh bagi menjamin kelangsungan hidup tanah air tercinta. Kegagalan golongan mahasiswa untuk memperkenalkan semangat patriotisme pada tahap yang paling maksimum memberi kesan yang kurang baik kepada nilai kesetiaan kepada negara seperti yang telah dibincangkan di atas. Walau bagaimanapun aspek ketinggian nilai murni seperti bertanggungjawab dan memiliki azam yang tinggi dilihat dapat mendorong ke arah pemantapan nilai cinta, bangga dan setia terhadap negara. Justeru, semua pihak terutamanya kerajaan perlu mengambil langkah proaktif untuk membantu golongan mahasiswa untuk mencapai tahap patriotisme yang paling maksimum.

RUJUKAN

- Anuar Ahmad. (2 Jun 2015). Integriti dan akauntabiliti masyarakat Jepun,. Utusan Online. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/integriti-dan-akauntabiliti-masyarakat-jepun-1.101748#ixzz5C0TzEBJ>
- Aziz Ujang dan Kadir Arifin. (2017). Kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan. Tanjung Malim: Penerbit UPSI
- Berns, W. (1997). On Patriotism. *Public Interest*, Spring: 19
- BTN kemuka Indeks Patriotisme Negara. (19 September 2014). Utusan Online. Dimuat turun daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140919/dn_22/BTN-kemuka-Indeks-Patriotisme-Negara
- Curti, M. (1946). *The roots of American loyalty*. London: Columbia University Press
- Department of Home Affairs, Australian Government. (n.d.). Dimuat turun daripada <https://www.homeaffairs.gov.au/about/reports-publications/research-statistics/statistics/live-in-australia/country-profiles/malaysia>
- Doob, L.W. (1964). *Patriotism and nationalism: Their psychological foundations*. London: Yale University Press
- Faiz Zainudin. (21 September 2017). UKM: Hukuman berat menanti pelaku vandalisme ‘MATI’. Dimuat turun daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/09/21/ukm-hukuman-berat-menanti-pelaku-vandalisme-mati/>
- Huntington, S. P. (2008). Siapa Kita, Cabaran kepada Identiti Nasional Amerika, Kuala Lumpur: ITNMB

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Dimuat turun daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=VUdaQ2tVVjcwTEFUVWp5aTVQbjV1UT09>
- John F. Kennedy.(1961). *John F. Kennedy's Inaugural Address: "Ask Not What Your Country Can Do For You"*. January 20. Dimuat turun daripada <http://www.ushistory.org/documents/ask-not.htm>
- Krejcie, R.V. & Morgan. D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30(3):607-610
- Lee Lam Thye. (22 September 2016). Patriotisme dalam diri rakyat Malaysia. Utusan Online. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/patriotisme-dalam-diri-rakyat-malaysia-1.385712>
- Mohd Iskandar Othman. (1 Disember 2017). Mahasiswa asset pembangunan negara. Sinar Online. Dimuat turun daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/kampus/mahasiswa-asset-pembangunan-negara-1.764925>
- Primoratz, I. (2002). Patriotism: A deflationary view. *The Philosophical Forum*. Vol. XXXIII. 443-457
- Raja Ruslan Raja Samah. (2004). Patriotisme dalam konteks pembinaan negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kertas kerja dalam Konvensyen Patriotisme Negara sempena Sambutan Ulang Tahun ke-10 Penubuhan IKSEP di Dewan Utama, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) AyerKeroh, Melaka, 17 -18 Mei 2004
- Saifuddin Abdullah. (2005), Patriotisme alaf baru. Dlm Hussain Mohamad (pnytg.). *Belia dan patriotisme Malaysia*, hlm. 70-93, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Salleh Majid. (30 April 2011). Sejuta rakyat kita berhijrah ke luar negara. Utusan Online. Dimuat turun daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0430&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm
- Schlesinger, J. (2007). Patriotism in Our Era. *Vital Speeches of the Day*. Vol. 73, Issue 4. Dimuat turun daripada <http://ezproxy.upm.edu.my:2173/ehost/pdfviewer/pdfviewer?vid=19&sid=4d05e832-1ff1-4d18-8c26-af08b1c39937%40sessionmgr4007>